

**KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**



KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut;

NO. SEBUT HARGA : JPS WPKL(SH)/P/11/2024
TAJUK PROJEK : KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN MENGOREK DAN MEMBUANG KELODAK DI SUNGAI BATU DARI KAMPUNG KASIPILLAY KE JALAN TUANKU ABDUL HALIM, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai Sebut Harga ini hendaklah berdaftar dengan CIDB di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) di bawah bidang berikut :

Gred	Kategori	Pengkhususan
G3	CE	CE 21 – Pembinaan Kejuruteraan Awam CE 40 – Kerja-kerja Pengorekan dan Kawalan Hakisan

3. Segala maklumat dan dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Kaunter Jualan Dokumen Sebut Harga / Tender, Aras Bawah, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626 Kuala Lumpur** mulai dari **04 Mac 2024 (Isnin)** hingga **11 Mac 2024 (Isnin)**.
4. Kontraktor **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri taklimat sebut harga / lawatan tapak. Taklimat sebut harga / lawatan tapak akan diadakan di **Parkir Belakang, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** pada **04 Mac 2024 (Isnin)** pada jam **9.30 pagi**. Hanya **PENAMA** syarikat di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dibenarkan untuk menghadiri taklimat tersebut.
5. Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada **PENAMA** kontraktor atau wakil (surat wakil kuasa perlu disertakan) yang sah sahaja bagi **PENAMA** kontraktor yang telah menghadiri taklimat sebut harga / lawatan tapak. Untuk maksud ini kontraktor / wakil perlu membawa Sijil **ASAL** (PPK dan SPKK) yang dikeluarkan oleh CIDB dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen sebut harga beserta dengan Sesalinan Kad Pengenalan. Setiap Salinan dokumen dan kad pengenalan hendaklah **DISAHKAN** (dicop dan ditandatangani) oleh Pengarah Syarikat. Hanya **SATU** wakil dibenarkan mewakili bagi **SATU** syarikat kontraktor.
6. Kontraktor yang ingin memasuki sebut harga di atas adalah dikehendaki mengeluarkan **Kiriman Wang Pos (money order) sahaja** berharga **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Ringgit Sahaja)** yang dibuat atas nama **Akauntan Negara Malaysia - PETRA - T** sebagai bayaran dokumen sebut harga.
7. Sebut harga ini akan dijual pada **04 Mac 2024 (Isnin)** hingga **11 Mac 2024 (Isnin)** pada waktu operasi kaunter sebut harga yang ditetapkan.

**ISNIN - KHAMIS : 9.00 PAGI – 12.30 TENGAHARI
2.30 PETANG – 4.00 PETANG
JUMAAT : 9.00 PAGI - 12.00 TENGAHARI**

8. Hanya kontraktor yang berdaftar dengan CIDB di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan memenuhi kelayakan pengkhususan di atas sahaja boleh menyertai sebut harga ini.
9. Sebut harga ini akan ditutup pada **11 Mac 2023 (Isnin)**. Dokumen sebut harga hendaklah diisikan dengan lengkap dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan dituliskan nombor sebut harga di sebelah atas kiri sampul tersebut serta dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Aras Bawah, Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626 Kuala Lumpur** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada hari tersebut.
10. Penyebut harga **boleh menghantar dokumen sebut harga menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier** menggunakan alamat seperti di atas. Jika sebut harga ini dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan seperti di atas sebelum **atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengahari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

.....
Nama: **MOHD AZMIN BIN HUSSIN**
Jawatan: **Pengarah**
Tarikh: **Jabatan Pengairan Dan Saliran**
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur